

---

**SIARAN MEDIA**

**MyCC MENGALUKAN MAKLUM BALAS BAGI KAJIAN SEMULA PASARAN  
SEKTOR PENGANGKUTAN DI MALAYSIA**

**KUALA LUMPUR, 21 JUN 2021** – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) menjemput orang ramai serta pihak berkepentingan untuk mengambil bahagian dalam sesi rundingan awam bagi Kajian Semula Pasaran Sektor Pengangkutan di Malaysia (Ekosistem Logistik Pelabuhan dan Waranti Kenderaan Bermotor) dengan memberi pandangan, input dan maklum balas kepada kajian semula pasaran ini.

Kajian semula pasaran ini dijalankan selaras dengan Seksyen 11 Akta Persaingan 2010, iaitu; untuk memahami struktur pasaran, untuk menilai aktiviti pasaran sepanjang rangkaian bekalan, dan untuk menentukan sama ada apa-apa ciri atau gabungan ciri pasaran itu menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan. Dua sub-sektor yang dikaji dalam kajian semula pasaran ini ialah;

- (i) ekosistem logistik pelabuhan yang meliputi proses pengimportan dan pengeksporan barang; dan**
- (ii) waranti kenderaan bermotor yang merangkumi sekatan waranti yang berkaitan dengan kenderaan penumpang dan komersial.**

Selaras dengan kuasa yang diberikan kepada MyCC, kajian semula pasaran ini juga akan mengkaji secara terperinci struktur kedua-dua sub-sektor pasaran ini, tingkah laku pemain industri, pembekal, dan pengguna yang relevan serta hal-hal lain seperti isu pengawalseliaan dan polisi.

“Kajian semula pasaran adalah penting untuk merungkai selok-belok pasaran terutamanya dan ini penting untuk pihak berkepentingan, khususnya pengguna. Pengguna berhak mengetahui kerumitan, dinamisme dan motivasi para pemain industri dalam kedua-dua pasaran ini. Oleh itu, adalah sangat mustahak bagi MyCC

---

untuk mendapatkan sokongan pihak-pihak yang berkenaan melalui maklum balas dan pendapat mereka. Ini akan membantu MyCC dalam mencapai kesimpulan yang menyeluruh bagi dapatan dan syor kajian pasaran tersebut,” kata Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC.

Terdapat pilihan yang disediakan bagi pihak berkepentingan dan orang awam untuk melibatkan diri dalam kajian pasaran ini. Salinan kajian pasaran tersebut boleh didapati di laman sesawang MyCC bermula **18 Jun 2021**. **Salinan ini boleh dirujuk sehingga 2 Julai 2021**. Sebarang maklum balas atau input boleh dikemukakan melalui laman sesawang MyCC atau menerusi emel kepada [urus setia di bed@mycc.gov.my](mailto:urus.setia@bed.mycc.gov.my).

MyCC juga akan mengadakan dua sesi rundingan awam secara maya bagi tujuan yang sama. Sesi pertama akan berlangsung pada **24 Jun 2021 (Khamis; 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari)** di mana MyCC akan mengadakan sesi bagi sektor swasta (pemain industri, persatuan, NGO, dll.) dan orang awam. Penyertaan adalah percuma. Walau bagaimanapun, pihak yang berminat diminta untuk mendaftarkan kehadiran melalui laman sesawang MyCC di [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my) sebelum 23 Jun 2021. Sesi kedua akan diadakan untuk pegawai-pegawai kerajaan pada keesokan harinya; **25 Jun 2021 (Jumaat; 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari)**. Setakat ini, MyCC telah mendapat sambutan menggalakkan daripada semua pihak yang menunjukkan minat mereka untuk terlibat dalam sesi rundingan awam ini.

--tamat--

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Noor Azila Ahmad,

Tel +603 2273 2277 (sambungan 111),

Telefon Bimbit +6019 268 7030

Emel: [azila@mycc.gov.my](mailto:azila@mycc.gov.my)

**Mengenai MyCC**

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersial yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan. Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).

---

**ANNEXE A**

**Nota Pengarang:**

**Maklumat mengenai Seksyen 11 dan 12 Akta Persaingan 2010. Maklumat lanjut mengenai kajian semula pasaran seperti di bawah.**

***Seksyen 11: Kuasa untuk menjalankan kajian semula pasaran***

Seksyen 11 (1) – Suruhanjaya boleh, atas inisiatifnya sendiri atau permintaan Menteri, menjalankan suatu kajian semula terhadap mana-mana pasaran untuk menentukan sama ada apa-apa ciri atau gabungan ciri pasaran itu menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan dalam pasaran.

Seksyen 11 (2) – Kajian semula itu termasuklah kajian mengenai--

- (a) struktur pasaran yang berkenaan;
- (b) perlakuan perusahaan dalam pasaran;
- (c) perlakuan pembekal dan pelanggan kepada perusahaan dalam pasaran; atau
- (d) apa-apa perkara berkenaan yang lain.

**Seksyen 12: Keputusan kajian semula pasaran**

Seksyen 12 (1) – Apabila selesai kajian semula pasaran itu, Suruhanjaya hendaklah menyiarkan laporan dapatan dan syornya.

Seksyen 12 (2) – Laporan Suruhanjaya itu hendaklah dijadikan tersedia kepada orang awam.